



KEMENTERIAN KEMAJUAN  
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**  
**MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**PELANCARAN MARA DIGITAL @ IPOH**

**BAZAR MARA MEDAN JAYA,  
IPOH, PERAK.**

**12 OKTOBER 2017 (KHAMIS)**  
**WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **SALUTASI SEWAJARNYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam NegaraKu Malaysia

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpahnya kita dapat bersama-sama berkumpul di Bazar Medan Jaya, Ipoh ini bagi sama-sama menjadi saksi kepada satu lagi mercu tanda MARA dalam agenda pembangunan memartabatkan usahawan Bumiputera yang berterusan, selaras dengan arus pembangunan teknologi era alaf baru ini.
2. Syukur dan tahniah saya ucapkan atas usaha yang mantap dan bersepadu dari semua yang terlibat, terutamanya dari MARA Negeri Perak dalam merealisasikan MARA Digital di Ipoh Perak ini.
3. Untuk pengetahuan para hadirin yang saya kasihi sekalian, MARA Digital@Ipoh ini adalah kesinambungan dari kejayaan dan kesungguhan yang berterusan dari MARA dalam memastikan transformasi teknousahawan Bumiputera terus maju dalam dunia tanpa sempadan ini. Bermula dengan kejayaan MARA Digital yang pertama di Menara MARA iaitu MARA Digital Kuala Lumpur pada 2015 dan kemudian di Anggerik Mall, Selangor pada tahun berikutnya iaitu 2016, kita melihat semakin ramai usahawan Bumiputera telah mula menunjukkan minat dalam menjadi pemacu dalam bidang keusahawanan ICT dan teknologi. Ini amat signifikan dalam usaha MARA membantu memperkasakan lebih banyak usahawan Bumiputera dalam perniagaan runcit ICT melalui penubuhan MARA Digital ini.
4. Adalah menjadi hasrat saya dan MARA menubuhkan rangkaian MARA Digital ini dengan memberi fokus kepada perniagaan runcit dalam barangan elektronik yang selari dengan peranan MARA memperluaskan lagi peluang perniagaan kepada usahawan Bumiputera dalam sektor ICT dan teknologi tinggi.
5. Oleh itu saya amat optimis untuk melihat lebih banyak lagi projek seumpama ini di mana MARA Digital boleh dan akan dibangunkan di setiap negeri. Jika pada hari ini Ipoh, Perak telah pun mempunyai MARA Digital@Ipoh, Di sini suka saya mengumumkan 26 Oktober 2017, MARA Digital akan mula beroperasi di Kuantan, Pahang. Manakala majlis pelancaran MARA Digital@Kuantan akan dijalankan pada 29 Oktober ini dan akan dituruti selepas itu dengan beberapa negeri lain.

## **MATLAMAT MARA SELEPAS 51 TAHUN**

Hadirin dan hadirat sekalian.

6. Adalah menjadi matlamat penubuhan rantaian MARA Digital sebagai satu projek pembangunan komersil industri ICT Bumiputera dengan memberi kepelbagaian pilihan dalam mendapatkan produk-produk berasaskan gajet elektronik, teknologi dan ICT ini, terutamanya telefon bimbit yang asli dengan khidmat servis yang kompeten dan cekap. Yang paling utama dititik beratkan ialah ketulinan produk adalah terjamin dan boleh dipercayai di samping harga produk yang murah dan kompetitif. Seterusnya, aspirasi rantaian MARA Digital ini sebagai sebuah Hub Usahawan Belia yang berpendapatan tinggi akan berjaya diwujudkan.

## **MARA DIGITAL- ASPIRASI TRANSFORMASI TEKNOUSAHAWAN BUMIPUTERA**

7. Saya amat yakin dengan kemampuan MARA Digital@Ipoh ini untuk memacu kejayaan bagi usahawan Bumiputera setempat di sini walaupun ianya baru sahaja dua bulan beroperasi. Jika MARA Digital Kuala Lumpur boleh dijadikan sebagai kayu pengukur kejayaan, pada tahun 2016 MARA Digital Kuala Lumpur telah merekodkan lebih 1 juta pengunjung dengan jualan melebihi RM18 juta, manakala setakat Ogos 2017, seramai 585, 580 orang pengunjung telah dicatatkan dengan hasil jualan melebihi RM 7.6 juta. Manakala keseluruhan keuntungan yang dijana sehingga kini adalah melebihi RM 29 juta. Inilah satu kejayaan yang memberangsangkan bagi MARA untuk terus dilestarikan.

## **PROMOSI MARA DIGITAL**

Para pengunjung di MARA Digital@Ipoh hari ini sekalian.

8. Bermula Oktober ini, MARA Digital akan '**all out**' dalam memperkenalkan MARA Digital di seluruh negara dengan memastikan jenama MARA Digital mampu berdiri kukuh seiring dengan pembangunan ICT dan teknologi digital global, termasuklah menggunakan LED billboard, promosi di institusi-institusi pendidikan seluruh negara dan juga melalui sosial media.

9. MARA amat yakin dengan potensi perniagaan yang ada pada MARA Digital kerana untuk pengetahuan para hadirin sekalian, ianya sungguh membanggakan kami apabila para pelabur ataupun para pembekal di MARA Digital adalah terdiri dari jenama-jenama besar seperti Acer, Asus, Lenovo, Huawei, Digi, Celcom, Maxis dan banyak lagi pemain industri besar yang menaruh kepercayaan kepada kemampuan MARA Digital untuk memasarkan produk mereka.

10. Infrastruktur MARA Digital sentiasa diberi perhatian penuh dari masa ke semasa kerana ianya dilihat sebagai platform yang mampu menarik syarikat IT untuk mempromosikan barangan dan produk mereka sepertimana OPPO Fair dan ACER Roadshow yang akan diadakan di MARA Digital Kuala Lumpur dalam waktu terdekat ini.

11. Tambah hebat lagi, MARA Digital di Kuala Lumpur akan dikembangkan lagi dengan penambahan dan pembukaan premis baru di Tingkat 4 kerana premis di Tingkat 3 tidak lagi mampu menampung permintaan sedia ada samada dari para pengunjung mahu pun dari usahawan ICT yang semakin yakin dengan peluang perniagaan yang ada di bawah payung MARA Digital.

12. Adalah amat penting bagi kita dalam menuju ke arah negara maju dengan pendapatan tinggi, ruang perniagaan perlulah yang kompetitif di samping selesa dan kondusif bagi menyakinkan dan menarik minat para pelanggan untuk berkunjung.

13. Apa yang kita rancangkan, MARA Digital ini juga akan mampu menjadi pusat setempat dan peneraju bagi rujukan dan pembekal utama bukan sahaja bidang penjualan telefon, membaiki dan servis telefon tetapi juga mampu menjadi '*champion*' kepada apa sahaja bidang berkaitan teknologi dan ICT.

## **MEMPERKASAKAN MARA DIGITAL**

14. Dalam memperkukuhkan kuasa membeli pelanggan dan kemampuan usahawan kita untuk bersaing, MARA telah bersiap sedia dengan kekuatan dari segi tenaga mahir dan pembangunan teknikal seperti latihan dalam bidang berkaitan seperti kursus membaiki telefon di GIATMARA, bidang kejuruteraan, perisian komputer, multimedia dan berbagai lagi bidang kejuruteraan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan juga di Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Ini tidak termasuk kursus-kursus baru yang telah kita kenal pasti untuk dilaksanakan seperti Diploma Internet of Things (IOT) yang merupakan bidang yang penting di masa hadapan.

15. Ini adalah bagi memberi peluang kepada bakal usahawan muda yang berlatarbelakangkan bidang berkaitan untuk menceburi bidang keusahawanan berasaskan teknologi dan ICT selaras dengan arus pembangunan dunia masa kini.

16. Dari satu sudut yang lain, pengwujudan MARA Digital ini adalah bertujuan memberi satu kedudukan yang lebih stabil dan kukuh kepada usahawan Bumiputera kita untuk menjadi '*Industry Player*' di dalam bidang keusahawanan ICT dan teknologi.

17. Ini adalah kerana kita sering menghadapi masalah dalam penetapan harga runcit semasa kerana kita berdiri secara sendirian dan di dalam kelompok minority di

tengah-tengah kuasa besar bukan Bumiputera. Justeru, penubuhan MARA Digital diharap dapat menjadi penggerak dalam merencana kolaborasi bersepadu antara usahawan untuk bekerjasama supaya pegangan ekuiti Bumiputera terus berkembang dan semakin mantap.

18. Melalui inisiatif ini, rantaian nilai (*supply chain*) antara para usahawan ICT dan pembekal ini akan terbina dengan lebih kompetitif. Lebih-lebih lagi aktiviti samada promosi dan keusahawanan di setiap MARA Digital akan dipantau oleh Jawatankuasa MARA Digital yang turut disertai oleh agensi seperti **KPDNKK**. Ini adalah bagi memastikan tahap keyakinan pelanggan terhadap produk-produk yang dibeli di MARA Digital sentiasa menjadi keutamaan kami.

## **INISIATIF MARA DIGITAL DALAM PEMBANGUNAN GRADUAN IPMA**

Hadirin hadirat sekalian,

19. MARA juga amat prihatin dalam menentukan halatuju graduan dari Institut Pendidikan MARA (IPMa) dengan menyediakan kepelbagaian dalam bidang pekerjaan untuk tidak hanya menjadi '**Job Seeker**' sahaja tetapi mampu untuk berkembang menjadi '**Job Creator**' dalam bidang masing-masing.

20. Untuk itu di MARA Digi@Ipoh ini, kita telah membuka peluang juga kepada para graduan dalam melatih diri mengenali bidang keusahawanan dengan penubuhan **Inkubator Usahawan ICT** yang akan memberi fokus kepada para graduan yang berminat dalam menceburi bidang keusahawanan ICT tanpa modal pendahuluan.

21. Kelangsungan mereka ini akan dipantau oleh '**Anchor-Tenant**' yang dilantik oleh MARA Digital di sini dengan membekalkan produk permulaan secara percuma bagi memulakan perniagaan mereka.

## **PENUTUP**

22. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan **TAHNIAH** kepada semua jentera MARA yang terlibat di dalam melaksanakan pelancaran MARA Digital@Ipoh pada hari ini.

23. Saya amat yakin dan optimis dengan kemampuan dan kejayaan yang akan dilakarkan oleh MARA Digital dalam memperkasakan usahawan Bumiputera dalam bidang ICT dan teknologi.

24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan MARA DIGITAL@IPOH, PERAK 2017.

25. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.  
Terima Kasih.